



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD3 (87)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

RESPON TERHADAP ISU MONOPOLI TIKET PENERBANGAN UMRAH

2 Februari 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) memandang serius terhadap kenyataan beberapa pihak yang mendakwa bahawa terdapat agensi umrah memonopoli pembelian tiket penerbangan secara pukal yang mana telah menyekat peluang syarikat-syarikat atau individu lain untuk mendapatkan tiket bagi tujuan mengerjakan umrah. Dalam masa yang sama terdapat dakwaan bahawa sebahagian besar tiket penerbangan itu yang sepatutnya diberikan keutamaan kepada jemaah Malaysia, telah dijual kepada jemaah negara jiran. Situasi ini dikatakan menjadi antara punca berlakunya kesukaran untuk mendapatkan tiket penerbangan yang secara tidak langsung menaikkan lagi kos pakej umrah sejak akhir-akhir ini.

Berikutan dengan itu, MOTAC telah mengadakan mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya bersama Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pengangkutan, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM), Suruhanjaya Persaingan (MYCC), Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan AMAL by Malaysia Airlines (AMAL) pada 31 Januari 2023. Mesyuarat tersebut turut dihadiri Persatuan Syarikat Pengendali Pelancongan Bumittra (BUMITRA), Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) dan Persatuan Agensi Pelancongan Umrah & Haji (PAPUH).

Ahli Mesyuarat berpandangan bahawa harga tiket umrah yang ditawarkan oleh AMAL adalah pada kadar harga yang munasabah dan berpatutan. Dalam pada itu, AMAL sebagai sebuah entiti yang berperanan untuk menguruskan penjualan tiket umrah di dalam negara, menyasarkan Malaysia sebagai hab penerbangan umrah serantau, turut menjual tiket penerbangan umrah kepada jemaah dari negara-negara jiran khususnya

Indonesia. Walau bagaimana pun, bilangan yang dijual kepada jemaah Indonesia ini hanyalah sebanyak 10% daripada jumlah keseluruhan kapasiti yang sedia ada. Manakala, baki 90% adalah ditawarkan kepada jemaah Malaysia yang mana masih mencukupi untuk ditempah oleh agensi pengurusan umrah dan juga rakyat Malaysia. Dakwaan yang menyatakan bahawa wujudnya monopoli kepada beberapa syarikat tertentu dan kelebihan diberikan kepada jemaah Indonesia adalah tidak benar sama sekali.

Walaupun begitu, pihak AMAL diminta meneliti semula keseragaman pembahagian tiket penerbangan umrah bagi memastikan semua syarikat pengendali umrah tempatan yang dilesenkan oleh MOTAC mendapat peluang yang lebih terbuka. Tindakan ini bertujuan memberi manfaat secara langsung kepada orang ramai yang ingin mengerjakan umrah.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac